SABAH FORESTRY DEPARTMENT

[Prepared by Kalabakan Forestry Office]

NORTHERN GUNUNG RARA (NGR) SFM PROJECT

AWP 2014

1.0 PENCAPAIAN TAHUN 2013

Berdasarkan AWP 2013, berikut adalah ringkasan pencapaian NGR SFM Project Tahun 2013:

Bil.	KOMPONEN PROJEK	PENCAPAIAN
1.	**Pemulihan Hutan**	
	a) Rawatan Silvikultur seluas 4,000 Ha	Kontraktor telah dilantik iaitu Fresh Mumus Enterprise melalui Contract Agreement No: JP/KEW/KAL/01/2012. Tempoh kontrak bermula 1/10/2012 sehingga 30/09/2013 dan melibatkan 2,000 Ha luas kawasan rawatan. **Pihak syarikat telah berjaya merawat 1,000 Ha kawasan pada tahun 2012 dan 2,000 Ha lagi pada tahun 2013 menjadikan jumlah kawasan dirawat oleh pihak kontraktor seluas 3,000 Ha.** (Additional Works seluas 1,000 Ha telahpun diluluskan melalui kelulusan Ruj: JPHTN/PP (S)100-1/1/1 (KLT.30)/65 BTK 09.05.2013 dan Ruj: JPHTN/PP (S) 100-1/1/1 (KLT.30)/81 BTK 04.06.201) Pencapaian: 2,000 Ha pada tahun 2013 iaitu di Blok G (1,000 Ha) dan Blok L (1,000 Ha).
	b) Program Penanaman - Restorasi Hutan	Kontraktor telah dilantik iaitu EZ Enterprise melalui Contract Agreement No: JP/SN/KLBKN-D11/01/2013. Tempoh kontrak 2 tahun (6 Ogos 2013 – 5 Ogos 2015) dan melibatkan 50 Ha luas kawasan penanaman. **Pihak syarikat telah berjaya menanam seluas 50 Ha kawasan pada tahun 2013 berjumlah 13,090 anak pokok. Penanaman tertumpu di kawasan lapang bekas tapak kilang/campsite/panggung. Spesies anak pokok yang ditanam adalah batai dan telisai.**
2.	**Perlindungan hutan – Pemantauan dan Kawalan**	
	a) Aerial Surveillance – 6 kali	**Sebanyak 7 kali Aerial surveillance dibuat iaitu pada**: Mei – 13hb & 14hb Julai – 18hb Oct – 2hb dan 3 hb Nov – 14 hb dan 15hb Rondaan udara ini melibatkan kawasan projek dan kawasan Hutan Simpan dalam kawalan Daerah Perhutanan Kalabakan.
	b) Pasukan Pemantauan Hidupan Liar – Wildlife Protection Unit (WPU)	Pegawai Daerah Kalabakan telah menubuhkan satu pasukan Wildlife Protection Unit dalam operasi yang digelar **OPS BURU, dan berjaya dalam beberapa siri tangkapan iaitu** : i. Police Report: Kalabakan/000072/13; En. Mian Said Johar Qashqar; ii. Police Report: Kalabakan/000072/13; En. Haris Laksamana Bin Hj. Baharum; En. Azlan Bin Kim Tee; En. Alkholifah Bin Haris Antara barang sitaan yang diserahkan kepada pihak polis dan kepada Jabatan Hidupan liar adalah senjata api, kenderaan dan hasil buruan.
	c) Pemasangan pagar-pagar/gate kawalan dan penutupan jalan-jalan masuk penceroboh/pemburu	Sebanyak **tiga** bekas jalan lama telah dikorek/diputuskan dan **dua jalan** dibuat pagar halangan masuk. Jalan ini adalah yang disyaki aktif sebagai jalan pemburu haram.

	d) Pemasangan Papan tanda projek, papan tanda Hutan simpan, papan tanda larangan memburu dan plet-plet hutan simpan.	Sebanyak **empat buah papan tanda projek, empat buah papan tanda amaran, dan 9 unit papan tanda silvikultur** telah dibuat dan dipasang di kawasan-kawasan strategic jalan masuk ke kawasan projek, dan di kawasan kerja silvikultur. Plet hutan simpan juga telah dipasang di sempadan Hutan Simpan Kelas 1 Mt. Magdalena semasa re-brushing sempadan dijalankan.
3.	**Pengukuran, Penandaan & Pembersihan semula sempadan**	
	a) Pengukuran keseluruhan HS Mt. Magdalena dengan sasaran 15,000 meter	Tidak dilaksanakan atas sebab kekangan kewangan, dan melalui perbincangan dengan TP(PBN) bahawa persempadanan tersebut boleh di adopt dari persempadanan wujud sekarang yang dibuat oleh Yayasan Sabah/syarikat/pelesen bersebelahan.
	b) Re-brushing sempadan oleh kakitangan PPD Kalabakan sejauh 2,000 meter	**Telah selesai sejauh 2,000 meter** di persempadanan antara Daerah Perhutanan Tongod-Kalabakan dan juga di persempadanan kawasan Mt. Magdalena - Serijaya. Plet-plet hutan simpan juga dilekat sepanjang sempadan.
4.	**Pembangunan Infrastruktur**	
	a) Pembinaan Pejabat dan Quarters Perhutanan oleh Syarikat Empayar Kejora	Pembinaan bangunan Pejabat dan Quarters telahpun siap 100%.
	b) Pembelian Perabot dan meja serta kerusi/kabinet pejabat untuk melengkapkan kemudahan dan functionality pejabat dan quarters.	Selesai 100%**.**
	c) Pemasangan Grill di Pejabat Perhutanan Kuamut	Telah siap dipasang 100% di Pejabat dan Quarters Perhutanan Kuamut (yang dibina oleh Empayar Kejora)
	d) Pembaikan dan Penyelenggaraan sistem pendawaian di Pejabat dan Quarters Perhutanan Kuamut	Telah siap 100%.
5.	**Pembangunan Logistik**	
	a) Dua Buah kenderan pacuan empat roda (4WD) untuk Wildlife Protection Unit (WPU)	Dua buah kenderaan telah diberikan untuk projek ini iaitu kenderaan pacuan empat roda 4WD jenis Hilux bernombor plet SB6273B dan SB8048B
	b) Sebuah bot dengan enjin 15 hp	Pembelian tidak dilakukan atas sebab kekangan kewangan dan adanya perkara lebih kritikal perlu dilaksanakan
	c) Penyelenggaraan kenderaan	Penyelenggaraan kenderaan yang digunapakai di Project Area.
	d) Pemasangan Radio Call di kenderaan jabatan dan pembelian Walkie Talkie	Sebanyak 2 radio call dipasang di kenderaan jabatan untuk kegunaan dalam kawasan projek, beserta dengan 6 biji walkie talkie.
6.	**Jalan Perhubungan**	
	a) Penyelenggaraan jalan sedia ada sejauh 18,000 meter	Sejumlah 9,000 meter jalan sedia ada ke blok-blok penanaman dan blok-blok silvikultur telah di selanggara.
7.	**Pengurusan pentadbiran dan peralatan lapangan**	Pembelian peralatan lapangan telahpun dibuat untuk memudahkan kerja-kerja di lapangan, termasuk pembelian 7 buah camera trap.

2.0 PENGENALAN

Jabatan Perhutanan Sabah telah membuat keputusan untuk mengambil alih pengurusan kawasan Hutan Simpan Gunung Rara untuk diurus dibawah rejim Pengurusan Hutan Asli, mengikut prinsip-prinsip pengurusan hutan berkekalan (Sustainable Forest Management) pada 22 Mei 2012 yang lalu. Projek ini telah diputuskan untuk dilaksanakan dalam usaha pemuliharaan dan pemeliharaan khazanah hutan negeri, disamping menjadi koridor hidupan liar yang menghubungkan kawasan konservasi hidupan liar utama, seterusnya mendapat persijilan dibawah FSC (Forest Stewardship Council).

Pada November 2012 dan Julai 2013, sebahagian besar kawasan projek (yang dahulunya sebahagian daripada Hutan Simpan Gn. Rara Kelas II-Komersil) telah diwarta semula dan dijadikan Hutan Simpan Kelas 1-Perlindungan.

Kini, kawasan projek ini adalah seluas 55,943.00 Ha dan melibatkan empat (03) kawasan hutan simpan iaitu:

1. **Hutan Simpan Mt. Magdalena Kelas I – Perlindungan (55,555 Ha);**
    a. **FD Map No. 89/70; GN 7/2012 (49,980 Ha).**
    b. **FD Map No. 90/123 (ext); GN 1/2013 (6.665 Ha)**
2. **Hutan Simpan Batu Timbang Kelas VI – Dara (261 Ha)**
3. **Hutan Simpan Imbok Kelas VI – Dara (127 Ha)**

Oleh Sebab kawasan projek ini telah menjadi kawasan berstatus perlindungan dan bukannya status komersil lagi, maka projek ini seterusnya diurus dibawah Rejim Pengurusan Hutan Perlindungan, dengan mengekalkan prinsip-prinsip pengurusan hutan berkekalan (Sustainable Forest Management).

NORTHERN GUNUNG RARA (NGR) PROJECT AREA - 55,943 Ha (Approx)



3.0 OBJEKTIF

Objektif teras projek adalah menjalankan pengurusan secara mapan di bawah rejim Pengurusan Hutan Perlindungan selaras dengan Dasar Perhutanan Negeri dan Prinsip Pengurusan Hutan Berkekalan (Sustainable Forest Management), bagi memulihara dan memelihara khazanah hutan negeri, dan menjadi koridor hidupan liar utama yang menghubungkan tiga kawasan konservasi hidupan liar terpenting iaitu Maliau Basin, Imbak Canyon dan Lembah Danum, disamping pengekalan ekologi dan biodiversiti hutan itu sendiri .

Antara lain objektif pengurusan projek ini bertujuan untuk menjadikan kawasan hutan simpan sebagai:

1. Untuk memulihara dan memelihara biodiversiti, tadahan air dan lain-lain persekitaran sensitif dalam kawasan projek.
2. Untuk mengekalkan keseimbangan dan kestabilan serta meningkatkan dan mengembalikan biodiversiti, ekologi dan keadaan persekitaran kawasan projek.
3. Untuk menggalakkan pendidikan dan kesedaran pemuliharaan dan pemeliharaan hutan kepada warga tempatan dan pihak berwajib berkenaan fungsi dan kepentingan kawasan projek.
4. Untuk menjalankan kajian dan penyelidikan serta aktiviti pemantauan.
5. Untuk meneroka kemungkinan penjanaan ganjaran dan pampasan dalam perkhidmatan alam sekitar dan ekosistem.
6. Dan juga memperolehi persijilan “Green Certification” dalam kriteria pemeliharaan hutan dan alam sekitar secara mapan dibawah Forest Stewardship Council (FSC).



Gunung Rara

VJR Batu Timbang

4.0 KOMPONEN PROJEK BAGI TAHUN 2014

KOMPONEN 1 : PEMULIHAN HUTAN

a) Rawatan silvikultur, iaitu kerja-kerja memotong akar dan *climbing bamboos* dengan tujuan untuk membebaskan *potential crop trees* daripada belenggu akar pepanjat yang menyekat tumbesaran, serta pembebasan daripada pioneer species supaya mendapat cahaya matahari yang cukup untuk pertumbuhan yang baik. **Sasaran kerja untuk tahun 2014 adalah 2,000 Ha.**

b) Rawatan silvikultur ini akan dijalankan di sebahagian kawasan ex-Coupe BW 6/00, YT 1/07 dan YT 4/06. Kawasan ini merangkumi kawasan **Blok F (994 Ha), Blok E (849 Ha), dan sebahagian Blok D (157 Ha)** yang jumlahnya mencapai 2,000 Ha. Kontraktor telahpun dilantik iaitu EW Construction, melalui perjanjian kontrak JP/TN/KLBKN-D11/01/2013 selama 5 tahun dengan jumlah kawasan kerja 10,000 Ha (2,000 per tahun).

c) Kesinambungan kepada kerja-kerja restorasi hutan tahun 2013 yang lalu diteruskan. Kontraktor yang dilantik iaitu EZ Enterprise, melalui perjanjian kontrak JP/KEW/KAL/01/2012, akan meneruskan kerja-kerja seperti berikut pada tahun ini:

   i. **Penyelenggaraan tanaman sebanyak 3 pusingan termasuk menyulam kembali anak pokok yang mati.**

   ii. **Pembajaan tanaman (200gm) sebanyak 3 pusingan.**

   iii. **Penyelenggaraan jalan blok tanaman sejauh 5,000 meter.**

   iv. **Dan, pemasangan papan tanda program restorasi.**

d) Pada tahun ini juga, keluasan kawasan restorasi dipertambahkan. **Seluas 70 Ha** lagi kawasan akan dijalankan program penanaman restorasi/rehabilitasi hutan. Program penanaman ini akan tertumpu di kawasan lapang bekas-bekas panggung/campsite/kilang dan kawasan terbuka bekas pembalakan dahulu. Program penanaman ini melibatkan aktiviti berkut:

   i. **Persediaan tapak seluas 70 Ha, termasuk menyediakan planting line.**

   ii. **Penyediaan sebanyak 10,920 anak pokok pelbagai spesies untuk tanaman seluas 70 Ha. Jarak interval antara pokok tanaman yang akan diaplikasikan adalah 8 meter. Ini disebabkan adanya anak pkok yang tumbuh semulajadi di kawasan tersebut, dan dengan mengaplikasikan jarak ini, sekaligus dapat mengurangkan kos penanaman.**

   iii. **Penanaman seluas 70 Ha melibatkan 10,920 anak pokok pelbagai spesies.**

   iv. **Penandaan sempadan blok tanaman.**

   v. **Penyelenggaraan tanaman sebanyak 3 pusingan.**

   vi. **Pembajaan tanaman sebanyak 3 pusingan, 50gm semasa penanaman, dan 100gm selang 4 bulan dan seterusnya.**

   vii. **Penyelenggaraan jalan sejauh 2,000 meter. Jalan blok sedia ada akan digunapakai, namun penyelenggaraan jalan adalah perlu.**

   viii. **Temporary nursery yang boleh menampung sebanyak 11,000 anak pokok**

   ix. **Papan tanda blok penanaman.**

KOMPONEN 2 : PERLINDUNGAN HUTAN – PEMANTAUAN, KAWALAN DAN PENGUATKUASAAN

a) Menjalankan sekurang-kurangnya **6 kali Aerial Surveillance** di kawasan projek ini, terutama rondaan udara di keseluruhan kawasan projek dan sepanjang Sg. Kuamut untuk memastikan tiadanya pencerobohan kawasan hutan serta tumbangan pinggir. Aerial surveillance juga dibuat dalam pemantauan kerja-kerja rawatan silvikultur dan program penanaman.

b) Menjalankan rondaan rutin darat terhadap pencerobohan hutan, pemburuan haram dan tumbangan pinggir. Selain itu, satu komponen pemantauan dan kawalan yang penting harus diwujudkan iaitu **Pasukan Pemantauan Hidupan Liar (Wildlife Protection Unit – WPU)** bagi memastikan kegiatan pemburuan haram (poaching of wildlife) dapat dibasmi.

c) **Kerja-kerja mengenalpasti laluan utama/ jalan tikus pemburu haram** akan dilaksanakan tahun ini. Ini adalah merupakan kesinambungan kepada kerja-kerja tahun lalu. Setelah mengenalpasti laluan utama dan jalan tikus pemburu haram, **pemasangan pagar-pagar / gate kawalan dan penutupan jalan-jalan masuk penceroboh akan dilaksanakan**. Jalan-jalan sasaran adalah jalan lama pembalakan yang tidak lagi digunakan. Sekurang-kurangnya **3 (atau lebih lagi) masih terdapat bekas jalan pembalakan lama yang tidak lagi digunakan dikenalpasti untuk ditutup**.

d) Kerja-kerja **Fasa Kedua pemasangan papan tanda projek, papan tanda Hutan Simpan, papan tanda amaran papan tanda larangan memburu dan plet-plet hutan simpan di sepanjang sempadan hutan simpan** juga bakal dilaksanakan tahun ini. Setakat ini, papan tanda di HS VJR Batu Timbang dan VJR Imbok belum dipasang papan tanda. Sekurang-kurangnya **4 papan tanda projek** perlu dipasang dan diikuti dengan **4 papan tanda amaran**, selain beberapa **papan tanda Larangan Memburu**. **Plet-plet kecil larangan** memasuki hutan simpan serta **plet-plet nama hutan simpan** juga akan dipasang di sepanjang sempadan dan dalam hutan simpan di kawasan projek. Jika peruntukkan mencukupi, papan tanda yang berkaitan dengan Occupational Safety & Health (OSH) akan juga di buat dan dipasang mengikut keperluan. Selain itu, papan tanda kompatmen dan papan tanda blok-blok silvikultur dan restorasi hutan juga akan di pasang.

e) **Pemasangan 7 unit Camera Trap juga akan dibuat tahun ini.** Sebanyak tujuh unit camera trap telah dibeli pada tahun lalu, dan aktiviti memasang camera trap ini akan dibuat tahun 2014 ini, sekaligus **mewujudkan beberapa Permanent Sampling Plot**. Team Wildlife Survey akan diwujudkan dalam organisasi NGR SFM, khas untuk mengambil data populasi hidupan liar, dan membantu dalam pengujudan Permanent Sampling Plot. Standard dan SOP daripada Ulu Segama Malua akan digunapakai.

KOMPONEN 3 : PENGUKURAN, PENANDAAN & PEMBERSIHAN SEMULA SEMPADAN

a) Pembersihan semula sempadan HS Mt. Magdalena di sepanjang persempadanan dengan konsesi Yayasan Sabah/ Benta Wawasan akan dijalankan. Pihak pengurusan NGR SFM telah mangambil keputusan untuk 'adopt' persempadanan sedia ada dengan kawasan pelesen/konsesi bersebelahan dengan kawasan projek, dan akan mengambil inisiatif untuk melakukan pembersihan sempadan tersebut. Sehubungan itu, kerja-kerja mengenalpasti persempadanan yang kritikal untuk di ukur semula dan di tanda juga akan dibuat, untuk perancangan dan keperluan aktiviti pada tahun hadapan.

b) Sasaran bagi tahun ini adalah membersih semula sempadan sempadan hutan simpan dalam kawasan projek sekurang-kurangnya **10,000 meter**.

c) Pembersihan sempadan hutan simpan pula dilakukan, melibatkan kerja-kerja rebrushing sempadan yang telah pernah ditanda dahulu, disasarkan sejauh **10,000 meter**, disamping pemasangan plet-plet hutan simpan di sepanjang sempadan. Kerja ini akan dilakukan oleh kontraktor yang bakal dilantik, disamping penglibatan kakitangan Projek NGR SFM sendiri.

KOMPONEN 4 : PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR

a) **Satu Pos Kawalan Perhutanan (Mobile Unit)** akan di buat pada tahun ini. Pos Kawalan (Field Outpost) ini adalah mengikut contoh Field Outpost yang digunakan di Ulu-Segama Malua, iaitu dengan menggunakan Super Cabin. Field Outpost ini boleh menampung sehingga 6 orang kakitangan Perhutanan. Tujuan utama Field Outpost ini adalah untuk menjaga laluan utama jalan pembalakan dari Sg. Kuamut ke laluan menuju Sg. Imbak/ Daerah Perhutanan Tongod. Laluan ini telah pun dikenalpasti sebagai laluan yang sering digunakan oleh pemburu haram dan pemungut sarang burung di VJR Batu Timbang. Dengan adanya pos kawalan ini, maka aktiviti kemasukan pemburu haram/ pemungut sarang burung yang tiada kebenaran boleh di kekang. Kos membuat pos kawasaln ini akan ditanggung melalui peruntukan Heart of Bornero (HoB).

b) **Lokasi Field Outpost ini telahpun ditentukan, iaitu di laluan utama jalan ke Persempadanan Daerah Perhutanan Kalabakan dengan Daerah Perhutanan Tongod. Dalam pada itu, pemerhatian akan dibuat untuk keperluan pembinaan Field Outpost kedua di satu lagi lokasi sasaran, sekiranya keadaan adalah amat memerlukan. Selain itu, pemasangan gatehouse dengan palang juga dibuat, dan juga pemasangan pagar keselamatan serta pagar elektrik.**

c) **Pembelian peralatan asas untuk field outpost** ini juga akan dibuat bergantung kepada keperluan, terutama keperluan kerja lapangan contohnya water pump dengan water pump house, genset dengan genset house, tangki air, dan sebagainya. Ini juga termasuk sekiranya ada penyelenggaraan infrastruktur diperlukan.

d) Selain itu juga, keperluan **pembinaan stor di lapangan** juga diperlukan. Stor ini berfungsi sebagai tempat menyimpan peralatan PPE (Personal Protective Equipment), peralatan Kebakaran Hutan, dan peralatan-peralatan lapangan yang lain. Sekiranya diperlukan, stor kimia berkemungkinan akan di bina sekiranya peruntukan mencukupi.

KOMPONEN 5 : PEMBANGUNAN LOGISTIK

a) Sekurang-kurangnya **dua buah kenderaan pacuan empat roda (4WD)** diperlukan. Kenderaan ini akan digunakan khususnya untuk aktiviti pemantauan hidupan liar, pengambilan data hidupan liar disamping untuk rondaan dan operasi. Kenderaan ini akan dipohon untuk di beli melalui K(PPA).

b) Didapati juga, **keperluan penggunaan motosikal di lapangan adalah perlu**. Pemantauan boleh dijalankan di jalan yang terputus, disebabkan jalan di kawasan blok silvikultur sering terputus dan tidak dapat dilalui kenderaan besar. Sekiranya permohonan diluluskan, **sebuah motosikal jenis Scrambler** akan dipohon untuk di beli melalui K(PPA).

c) Penyelenggaraan kenderaan yang digunakan dalam Projek NGR SFM adalah satu keperluan setiap tahun.

KOMPONEN 6 : JALAN PERHUBUNGAN

a) Penyelenggaraan jalan sedia ada adalah penting terutamanya jalan-jalan menuju ke kawasan rawatan silvikultur dan kawasan program restorasi hutan. Jalan-jalan ini memudahkan perlaksanaan kerja-kerja pemulihan hutan oleh pihak kontraktor, dan memudahkan juga pemantauan berterusan oleh pihak Jabatan Perhutanan terhadap kerja mereka. Jalan ini juga memudahkan pihak kontraktor. **Di sasarkan jarak jalan sedia ada yang perlu diselenggara tahun ini adalah sejauh 10,000 meter.**

KOMPONEN 7 : PENGURUSAN PENTADBIRAN & PERALATAN LAPANGAN

a) **Pembelian komputer sebanyak dua unit** disasarkan untuk tahun ini. Komputer ini adalah peralatan kritikal untuk pengurusan pentadbiran Projek NGR SFM di pejabat mahupun di lapangan. Komputer ini akan digunapakai untuk membuat laporan-laporan, untuk rekod dan analisa data pemantauan hidupan liar. Ini termasuk lah pembelian printer/scanner/copier untuk printer-printer tersebut.

b) **Pembelian 7 unit camera trap tambahan** untuk tujuan Wildlife monitoring.

c) Selain itu, pembelian **tiga unit camera digital** untuk kegunaan lapangan dan tujuan merekod aktiviti lapangan.

KOMPONEN 8 : CAPACITY BUILDING AND TRAINING

a) **Satu perkara kritikal yang dialami oleh pihak pengurusan NGR SFM adalah kekurangan tenaga kerja. Oleh yang demikian, sekiranya diluluskan oleh Ybhg. Datuk Pengarah Perhutanan, pihak Pengurusan lapangan NGR SFM memerlukan sekurang-kurangnya 12 orang kakitangan tambahan (samada kakitangan perhutanan yang baru atau lama) untuk membantu dalam kerja-kerja di kawasan projek**. Projek ini memerlukan dua (2) orang kakitangan yang berpengetahuan dalam bidang Wildlife dan berupaya membantu dalam merancang dan memantau segala aspek dan aktiviti yang melibatkan Hidupan Liar. Selain itu dua (2) orang Ranger/ Pengawas Hutan diperlukan khususnya dalam penguatkuasaan disamping membantu dalam pemantauan kerja-kerja silvikultur dilapangan dan restorasi hutan. Selainnya, lapan (8) Pekerja Rendah Awam (PRA) diperlukan, iaitu dua orang PRA perempuan yang akan membantu dalam kerja-kerja pejabat dan yang lainnya PRA lelaki yang akan di tempatkan di lapangan untuk menjaga pos kawalan/ membantu dalam rondaan/mambantu dalam pemeriksaan kerja-kerja lapangan dan lain-lain kerja lapangan.

b) Meningkatkan kemahiran kakitangan projek adalah sangat kritikal dalam menjayakan projek ini. Maka dengan itu, latihan dan pendedahan adalah perlu untuk kakitangan yang terlibat secara langsung dalam projek NGR SFM. Antara latihan-latihan yang bakal disertai/ dijalankan adalah :

   i. Occupational Safety & Health (OSH) – Beginners and/ or Advance
   ii. Wildlife Monitoring dan yang berkaitan
   iii. FSC Certification Principals
   iv. Siasatan & Pendakwaan
   v. Pengenalan kepada HVCF, dn juga lain-lain kursus dan latihan mengikut keperluan

c) Penyertaan dalam latihan-latihan tersebut adalah melalui penganjuran Bahagian-Bahagian di Ibu Pejabat Perhutanan melalui K(PSM), ataupun latihan dalaman pejabat Perhutanan Kalabakan Sendiri.

KOMPONEN 9 : FOREST MANAGEMENT CERTIFICATION

a) **Proses persijilan dibawah FSC bakal berjalan pada tahun ini. Oleh yang demikian, komponen ini merupakan salah satu komponen kritikal dan salah satu sasaran utama tahun ini**.

b) **FSC Preliminary Assesment dimana setiap gap yang ada akan dikenalpasti dan akan di selesaikan sebelum penialaian penuh dijalankan**.

c) FSC Full Evaluation akan dijalankan selepas Preliminary Assesment siap dijalankan.

5.0 KOS OPERASI PROJEK

Berikut adalah kiraan kos perlaksanaan projek bagi tahun ini:

BIL		KOMPONEN PROJEK	KOS (RM)
1.		**PEMULIHAN HUTAN**	
	1.1	Rawatan silvikultur 2,000 Ha (kadar: RM 350/Ha): EW Construction	RM 700,000.00
	1.2	Restorasi Hutan seluas 50 Ha : EZ Enterprise	
		- Penyelenggaraan Tanaman x 3 pusingan Yr2	RM 37,750.00
		- Pembajaan tanaman x 3 pusingan Yr2	RM 36,410.00
		- Penyelenggaraan Jalan Yr2 – 5000 meter	RM 14,000.00
		- Signboards	RM 3,000.00
	1.3	Restorasi Hutan – Program Penanaman Baru 70 Ha	
		- Site Preparation (Kadar RM250/Ha)	RM 17,500.00
		- Seedlings (RM3/pokok) x 10,920 anak pokok (*dgn interval tanaman 8m x 8m)	RM 32,760.00
		- Penanaman (RM3/pokok)	RM 32,760.00
		- Penyelenggaraan Tanaman 3 Pusingan Yr1	RM 37,800.00
		- Pembajaan Tanaman 3 Pusingan Yr1	RM 25,200.00
		- Penyelenggaraan Jalan Blok Tanaman Yr1	RM 11,000.00
		- Temporary Nursery	RM 8,000.00
		- Penandaan sempadan Blok Tanaman	RM 7,500.00
		- Signboard tanaman	RM 3,000.00
2.		**PERLINDUNGAN HUTAN – PEMANTAUAN & KAWALAN**	
	2.1	Aerial Surveillance – sekurang-kurangnya 6 kali / 6 jam	RM 60,000.00
	2.2	Rondaan rutin darat dan Wildlife Protection Unit (pembayaran elaun EGT kakitangan)	RM 50,000.00
	2.3	Pemasangan pagar & gate kawalan serta mengorek jalan penceroboh	RM 20,000.00
	2.4	Pemasangan 4x papan tanda projek, 4x papan tanda hutan simpan, papan tanda Larangan Memburu, plet hutan simpan.	RM 50,000.00
	2.5	Pemasangan Camera trap dan Permanent sampling plot	RM 20,000.00
3.		**PENGUKURAN, PENANDAAN & PEMBERSIHAN SEMULA SEMPADAN**	
	3.1	Re-brushing sempadan kawasan projek – 10,000 meter	RM 50,000.00
4.		**PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR**	
	4.1	Pos Kawalan Mobile Unit – Super Cabin (kos peruntukan daripada HoB)	
	4.2	Pemasangan gatehouse dengan palang	RM 50,000.00
	4.2	Peralatan asas field outpost	RM 50,000.00

	4.3	Pembinaan Stor Lapangan	RM 50,000.00
5.		**PEMBANGUNAN LOGISTIK**	
	5.1	Dua buah kenderaan pacuan empat roda 4WD (akan dipohon melalui K(PPA)	
	5.2	Motosikal Scrambler x 1 unit	RM 13,320.00
	5.3	Penyelenggaraan Kenderaan	RM 50,000.00
6.		**JALAN PERHUBUNGAN**	
	6.1	Penyelenggaraan jalan sejauh 10,000 meter	RM 50,000.00
7.		**PENGURUSAN PENTADBIRAN & PERALATAN LAPANGAN**	
	7.1	Pembelian dua unit komputer	RM 20,000.00
	7.2	7 unit camera trap tambahan	RM 20,000.00
	7.3	Tiga unit camera digital	RM 10,000.00
8.		**CAPACITY BUILDING AND TRAINING**	
	8.1	Pengambilan 12 orang kakitangan baru	
	8.2	Latihan dan kursus	RM 20,000.00
9.		**FOREST MANAGEMENT CERTIFICATION**	
	9.1	FSC Preliminary Assesment	RM 100,000.00
	9.2	FSC Full Evaluation	RM 150,000.00
		TOTAL	**RM1,800,000.00**

Sebagai makluman, syarikat EW Construction telahpun dilantik untuk menjalankan perkhidmatan rawatan silvikultur di HS Mt. Magdalena Kelas I. Tempoh kontrak tersebut adalah selama 5 tahun bermula tahun 2014 ini dengan keluasan kerja 10,000 Ha (2,000 Ha setiap tahun) dan kos yang berjumlah RM 3,500,000.00 . Untuk program restorasi hutan, syarikat EZ Enterprise akan menyambung kerja-kerja berdasarkan kontrak mereka, iaitu selama dua tahun untuk penanaman kawasan seluas 50 Ha.

Perkara yang paling diberi keutamaan selain daripada program rawatan silvikultur dan restorasi hutan adalah bermula proses persijilan pada tahun ini. NGR SFM akan melalui dua peringkat proses iaitu FSC Preliminary Assesment dan seterusnya FSC Full Evaluation. Tidak dinafikan masih terdapat banyak gap-gap yang dikenalpasti masih perlu di perbaiki, namun komitmen 200% akan diberikan agar persijilan ini dapat direalisasikan.

5.0 JADUAL PERLAKSANAAN

BIL		KOMPONEN PROJEK	JAN	FEB	MAC	APR	MAY	JUN	JUL	AUG	SEP	OCT	NOV	DIS
1.		**PEMULIHAN HUTAN**												
	1.1	Rawatan silvikultur 2,000 Ha (kadar: RM 350/Ha) (EW Contrsuction)												
	1.2	Penanaman seluas 50 Ha (EZ Enterprise)												
		- Penyelenggaraan Tanaman x 3 pusingan yr2												
		- Pembajaan Tanaman x 3 pusingan yr2												
		- Penyelenggaraan Jalan yr2 – 5000 meter												
	1.3	Restorasi hutan fasa 2 seluas 70 Ha (baru)												
		- Site Preparation (Kadar RM250/Ha)												
		- Penyediaan 10,920 anak pokok												
		- Penanaman10,920 anak pokok (*dgn interval tanaman 8m x 8m)												
		- Penyelenggaraan Tanaman 3 Pusingan Yr1												
		- Pembajaan Tanaman 3 Pusingan Yr1												
		- Penyelenggaraan Jalan Blok Tanaman Yr1												
		- Temporary Nursery												
		- Penandaan sempadan Blok Tanaman												
		- Signboard tanaman												
2.		**PERLINDUNGAN HUTAN – PEMANTAUAN & KAWALAN**												
	2.1	Aerial Surveillance – sekurang-kurangnya 6 kali / 6 jam												
	2.2	Rondaan rutin darat dan Wildlife Protection Unit												
	2.3	Pemasangan pagar & gate kawalan serta mengorek jalan penceroboh												
	2.4	Pemasangan 4x papan tanda projek, 4x papan tanda hutan simpan, papan tanda Larangan Memburu, plet hutan simpan.												
	2.5	Pemasangan Camera trap dan Permanent sampling plot												
3.		**PENGUKURAN, PENANDAAN & PEMBERSIHAN SEMULA SEMPADAN**												
	3.1	Re-brushing sempadan kawasan projek – 10,000 meter												
4.		**PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR**												
	4.1	Pos Kawalan Mobile Unit – Super Cabin (kos peruntukan daripada HoB)												

	4.2	Pemasangan gatehouse dengan palang												
	4.3	Peralatan asas field outpost												
	4.4	Pembinaan Stor Lapangan												
5.		**PEMBANGUNAN LOGISTIK**												
	5.1	Dua buah kenderaan 4WD (akan dipohon melalui K(PPA)												
	5.2	Motosikal Scrambler x 1 unit												
	5.3	Penyelenggaraan Kenderaan												
6.		**JALAN PERHUBUNGAN**												
	6.1	Penyelenggaraan jalan sejauh 10,000 meter												
7.		**PENGURUSAN PENTADBIRAN & PERALATAN LAPANGAN**												
	7.1	Pembelian dua unit komputer												
	7.2	7 unit camera trap tambahan												
	7.3	Tiga unit camera digital												
8		**CAPACITY BUILDING AND TRAINING**												
	8.1	Pengambilan 12 orang kakitangan baru												
	8.2	Latihan dan kursus												
9		**FOREST MANAGEMENT CERTIFICATION**												
	9.1	FSC Preliminary Assesment												
	9.2	FSC Full Evaluation												

6.0 KESIMPULAN

Keputusan kerajaan dan jabatan untuk menjadikan kawasan ini sebagai satu kawasan koridor utama hidupan adalah sangat tepat dan bersesuaian. Kejadian kematian 14 ekor gajah pygmy di Hutan Simpan Gn. Rara pada awal tahun 2013 ini adalah sebagai wake-up call kepada semua bahawa betapa pentingnya penjagaan hutan yang menjadi habitat bagi hidupan liar, bukan sahaja gajah, malah hidupan liar yang lain. Pengekalan ekologi dan biodiversiti hutan itu sendiri menjadi penyumbang besar kepada khazanah hutan asli kita dan faedah kepada masyarakat setempat.

Jabatan Perhutanan Sabah memberikan komitmen sepenuhnya terhadap perlaksanaan projek ini. Dengan bermulanya proses mendapatkan persijilan FSC pada tahun ini, semua kerah kudrat pegawai dan kakitangan lapangan beserta sokongan daripada Ybhg. Datuk Pengarah dan Timbalah Pengarah akan menjadi pendorong kepada merealisasikan misi untuk mendapatkan persijilan tersebut. Seperti Slogan yang di war-warkan di Jabatan kita, “We Aim To Be The Best” !.

7.0 lampiran

Peta & pelan berkaitan:

a) Peta /pelan kawasan projek terkini NGR SFM
b) Peta / Pelan lokasi kerja-kerja silvikultur